

26 JUN 2002

Amerika-Abdullah/I

AMERIKA SELESA DENGAN ABDULLAH, KATA DUTA

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Pentadbiran Bush selesa dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai bakal pengganti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, kata Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie T Huhtala.

Beliau berkata negara itu turut gembira dengan kepemimpinan Abdullah dan tidak meramalkan sebarang masalah semasa peralihan kuasa sebelum Oktober tahun depan.

"Abdullah adalah pemimpin yang tabah... kami kenal baik kedua-dua mereka (Dr Mahathir and Abdullah) dan selesa dengan mereka," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri ceramah jamuan tengah hari mengenai "Mempertingkatkan Hubungan Perniagaan, Perdagangan dan Pelaburan AS-Malaysia" di sini hari ini.

Jamuan tengah hari itu dianjurkan oleh Persekutuan Pekilang Malaysia (FMM).

Ketika menjawab pertanyaan mengenai rancangan persaraan Dr Mahathir, Huhtala berkata keputusan itu tidak akan mempunyai sebarang kesan ke atas perhubungan AS-Malaysia dan menjangka ia akan berterusan dengan mantap tanpa mengira perubahan yang mungkin dibuat oleh kerajaan Malaysia.

"Perhubungan antara negara malahan adalah lebih daripada antara individu," katanya.

Huhtala berkata lawatan Dr Mahathir ke White House bulan lepas telah memperkukuhkan perhubungan antara kedua-dua negara.

Beliau juga berkata tidak akan terdapat sebarang kesan negatif terhadap perhubungan dua halanya semasa tempoh peralihan itu.

"Saya rasa mereka (Dr Mahathir dan Abdullah) adalah amat bertanggungjawab dan mengambil keputusan yang tepat untuk negara ini," katanya.

Mengenai khabar angin yang syarikat-syarikat AS di Malaysia akan memindahkan operasi mereka ke China, beliau berkata beliau tidak sedar mengenai sebarang kejadian tertentu.

"Kami tidak akan meninggalkan Malaysia dan saya tidak melihatnya sama-sekali. Apa yang berlaku sekarang ialah syarikat-syarikat dari negara-negara berlainan berpindah ke China dan adalah biasa bagi kami juga berbuat seperti itu," katanya.

-- BERNAMA

DC SHY OS